

Peralihan dari 'Dasar Pandang ke Timur' ke 'Dasar Pandang ke Malaysia': Menggagas Satu Aliran Baru

Ichiro Sugimoto

Terima kasih, Tuan Pengerusi,

Yang Berbahagia Profesor Masashi Suzuki, Presiden Universiti Soka,
Yang Berbahagia, Profesor Emeritus Tsuyosi Kato dari Universiti
Kyoto,

Yang Berusaha Encik Radzween Abdul Razak, Menteri Kaunselor di
Kedutaan Malaysia di Tokyo,

Yang Berusaha Puan Rima Ezrin, Setiausaha Pertama,

Yang Berusaha Puan Nurmizrin Mohd Rashidi dari Sime Darby Sdn.
Bhd.,

Yang Berusaha Encik Nor Azmi Mohamed, Pegawai, Kementerian
Kerajaan Tempatan

Serta yang dihormati ahli-ahli akademik, tuan-tuan dan puan-puan,
serta semua hadirin yang dihormati,

Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Sebagai warga Jepun yang telah menetap selama 18 tahun di
Malaysia dan juga sebagai wakil pusat kajian Malaysia di Universiti
Soka, ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada Dr.
Nasrudin dari Universiti Malaya dan Dr. Mohd Ikbal Huda dari
Universiti Kebangsaan Malaysia atas komitmen dan sokongan
mereka berdua dalam menganjurkan majlis dan seminar.

Saya juga ingin merakamkan penghormatan kepada Profesor
Emeritus Tsuyosi Kato yang telah meluangkan waktu untuk hadir dari
Kyoto ke Hachioji dan memberikan sumbangan berharga dalam
seminar ini. Jasa dan budi baik yang telah diberikan tidak akan kami
di Pusat Kajian Malaysia lupakan.

Selama bertugas sebagai ahli fakulti di universiti ini, saya belum
pernah menggunakan Bahasa Melayu dalam persidangan atau kuliah
di Jepun. Oleh itu, kesempatan ini sangat berharga dan menjadi detik
sejarah sebagai langkah permulaan bagi saya untuk menunjukkan
komitmen Pusat Kajian Malaysia sebagai institusi yang unik dan

berbeda dari pusat-pusat kajian lain.

Pembentangan saya kali ini adalah sederhana dan ringkas. Dengan memfokuskan pada pencapaian dalam dasar pandang ke timur dan transformasi posisi Jepun dalam konteks Asia, saya ingin menyarankan bahawa saatnya telah tiba untuk mengarah ke aliran baru. Dalam erti kata lain, Jepun perlu mempertimbangkan untuk mengambil langkah atau menerapkan “dasar pandang ke Malaysia”. Seperti yang diketahui, pada Februari 1982, Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri, telah mengumumkan secara terbuka dasar kebangsaan jangka panjang yang dikenali sebagai LEP. Kerajaan Malaysia telah menghantar belia remaja Malaysia ke Jepun untuk mengejar ijazah mereka di institusi tinggi Jepun untuk mencapai objektif ini. Walaupun terdapat perubahan dalam persekitaran dalaman dan luaran, prinsip dan operasi tetap sama dan tertumpu pada pembangunan sumber manusia. Selepas menyelesaikan pengajian sarjana muda atau pasca sarjana di Jepun, ramai graduan telah meneruskan kerjaya dalam sektor awam dan swasta dan memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

Penting untuk dinyatakan bahawa kerajaan Jepun juga secara konsisten terus menyokong dasar ini. Pembangunan sumber manusia di Malaysia adalah antara hasil kukuh daripada LEP.

Pada tahun 2011, MJIIT (Malaysia Japan International Institute of Technology) telah ditubuhkan dan MoU bagi menubuhkan Universiti Tsukuba telah ditandatangani antara kedua-dua negara.

Benih intelek ini akan terus berkembang dan memberi sinar pada kemakmuran Malaysia dan Jepun pada masa hadapan. Usaha ini adalah rasional bukan hanya untuk Malaysia tetapi juga untuk Jepun. Penyebaran dinamisme perindustrian di negara Asia adalah faktor penentu utama untuk menubuhkan sistem produksi Jepun di rantau Asia.

Struktur ini, bagaimanapun, telah menghadapi banyak cabaran

sepanjang tempoh ini. Atas beberapa faktor, "kepemimpinan" Jepun mula goyah dengan ketara pada masa ini. Selain Jepun, ekonomi negara-negara Asia telah berkembang. Sebagai impaknya, signifikansi dan pengaruh Jepun di Asia terus menurun. Dan situasi ini kemungkinan akan berterusan pada masa depan sekiranya langkah kerjasama komprehensif tidak dilaksanakan.

Dengan kata lain, Jepun perlu mencari peluang baru untuk menyertai rangkaian nilai global yang dianjurkan dan dikawal oleh syarikat Asia. Perubahan struktural ini akan memerlukan peralihan dalam kehadiran Jepun dan mesti dipilih oleh Asia.

Perubahan struktural ini secara semula jadi menuntut perubahan besar dalam kompetensi utama sumber manusia Jepun. Kerajaan Jepun dan Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains, dan Teknologi (MEXT) telah mengambil tindakan responsif terhadap perubahan persekitaran sekeliling Jepun. MEXT telah memulakan projek kerajaan berskala besar dengan mempromosikan pengantarabangsaan pendidikan tinggi Jepun dan pembangunan sumber manusia, dan banyak universiti dan pelajar Jepun telah menyertai program ini yang dikenali sebagai "Projek Universiti Global Teratas" dan "Tobitate! Jepun".

Melalui usaha pengantarabangsaan dua projek besar kerajaan, terdapat peningkatan bilangan pelajar universiti Jepun yang belajar di Malaysia, didukung oleh sokongan kewangan dari kedua sektor awam dan swasta. Adalah tidak dinafikan bahawa perubahan ini telah dan secara konsisten kemungkinan besar berperanan penting dalam pembangunan sumber manusia global di Jepun.

Di Malaysia, fenomena baru telah muncul di mana pelajar sekolah menengah Jepun secara sukarela memilih untuk belajar di universiti-universiti di Malaysia. Ini berlaku tanpa dipengaruhi oleh dasar kerajaan atau sokongan kewangan. Universiti di Malaysia telah menarik minat pelajar antarabangsa, termasuk dari Jepun, untuk mengejar ijazah sarjana muda. Berbanding dengan negara lain,

Malaysia memiliki banyak kelebihan dalam menyediakan peluang pembelajaran yang berkualiti untuk pelajar Jepun.

Pusat Sokongan Pengajian di Luar Negara Malaysia (2022) mencatatkan beberapa sebab mengapa Malaysia menjadi pilihan utama bagi pelajar sekolah menengah Jepun dalam mengejar pengajian sarjana muda.

Pertama, ijazah yang diperoleh di Malaysia mempunyai hubungan langsung dengan peluang kerjaya masa depan.

Kedua, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di universiti swasta memudahkan integrasi pelajar antarabangsa, sementara tahap pendidikan yang tinggi dan kompetitif menawarkan pendidikan bertaraf global.

Ketiga, kos pengajian dan sara hidup di Malaysia jauh lebih rendah berbanding dengan institusi akademik di Barat, menjadikannya pilihan untuk belajar di luar negara.

Keempat, kehadiran pelajar antarabangsa dari lebih daripada 150 negara membuka peluang di dalam konteks pengantarabangsaan.

Kelima adalah elemen bahasa. Malaysia menawarkan peluang untuk mempelajari Bahasa Melayu dan Tiongha selain daripada bahasa Inggeris. Sebagai sebuah megara berbilang kaum, masyarakat majmuk berpeluang untuk mempelajari ketiga-tiga bahasa tersebut secara serentak.

Keenam, Malaysia dikenali sebagai salah satu negara paling selamat di Asia Tenggara.

Fenomena ini juga dipengaruhi oleh penurunan nilai Yen berbanding Dolar AS dalam jangka panjang, menjadikan Malaysia diberi lebih tumpuan. Laporan JASSO menekankan potensi besar Malaysia sebagai destinasi pengajian.

Soka Universiti, seperti yang disebut dalam ucapan Presiden Masashi Suzuki, menekankan pendidikan individu dengan nilai penting dan menawarkan program yang berkaitan dengan Malaysia.

Tahun ini, Universiti Soka mengukuhkan komitmennya terhadap Malaysia dengan membuka Pusat Kajian Malaysia, salah satu pusat penyelidikan utama. Kerjasama ini melibatkan pertukaran pendidikan dan penyelidikan antara Malaysia dan Universiti Soka, mencipta peluang baru untuk pertukaran akademik. Pusat Kajian Malaysia, yang terdiri daripada 12 ahli termasuk 4 ahli fakulti dari Soka dan 8 dari universiti awam Malaysia, akan bekerjasama dalam pemerolehan dana penyelidikan, promosi projek bersama, latihan jangka pendek di Malaysia, dan penganjuran seminar serta persidangan penyelidikan.

Kami di Pusat kajian Malaysia melihat kerjasama ini amat signifikan dan mempunyai hala tuju yang jelas berdasarkan objektif penubuhan pusat kajian ini. Kami amat yakin dengan pelbagai bentuk kejasama dan sokongan dari pelbagai pihak ianyak akan terus menyumbang kepada pembangunan kedua-dua negara, selaras dengan Polisi Pandang ke Timur dan Polisi Pandang ke Malaysia.